

07 APR 1999

BANTUAN RM75 SEORANG KEPADA PENANAM TEMBAKAU AKIBAT BANJIR

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Kabinet hari ini bersetuju memberikan bantuan RM75 seorang dari Tabung Bencana Alam Negara kepada sejumlah 8,567 penanam tembakau di Kelantan dan Terengganu yang terjejas teruk akibat banjir baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata, jumlah itu ialah tambahan kepada RM75 yang diagih-agihkan sekarang oleh Lembaga Tembakau Negara (LTN) daripada tabung kebajikan penanam, kepada kesemua penanam.

"Kita telah menerima rayuan daripada persatuan penanam dan Jemaah Menteri membuat keputusan untuk membantu," katanya kepada pemberita selepas menandatangani buku takziah kematian Perdana Menteri Republik Kyrgyz, Jumabek Brahimov di kedutaan tersebut di sini.

Annuar berkata pemberian bantuan itu bagi meringankan beban hidup keluarga penanam tembakau yang terbabit, yang rata-rata adalah miskin.

Annuar berkata syarikat-syarikat tembakau dan LTN akan turut memberikan bantuan dalam bentuk input pertanian bagi membolehkan penanam yang terjejas memulakan semula penanaman.

Beliau berkata kerugian kepada penanam tembakau akibat banjir tersebut di antara RM6 juta dan RM7 juta.

Menurutnya, bantuan RM75 itu dijangka disampaikan semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Kelantan pada 22 dan 23 April.

-- BERNAMA

RV FAZ